

**Bursa Siasat Extol MSC Bhd Mengenai Aktiviti Pasaran Luar Biasa  
Bernama  
17 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 17 Mac (Bernama) -- Bursa Malaysia Securities Bhd Isnin menyiasat aktiviti pasaran luar biasa (UMA) ke atas Extol MSC Bhd berikutan harga luar biasa saham-saham syarikat berkenaan.

Dalam kenyataan di sini, Bursa Malaysia berkata pelabur dinasihatkan mengambil perhatian atas jawapan Extol MSC, yang akan dimuatkan dalam laman webnya, semasa membuat keputusan pelaburan.

Pada 11.40 pagi, saham syarikat itu naik tiga sen kepada 42 sen, dengan 6.25 juta saham diurusniagikan.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1022454>